

# Komited atasi isu banjir kilat

Kerajaan negeri salurkan peruntukan sebanyak RM134 juta kepada JPS

■ AHMAD ISMADI ISMAIL

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor komited melaksanakan beberapa pelan bertindak bagi menghadapi banjir kilat yang sedang dan akan berlaku di beberapa kawasan panas di negeri ini.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, terdapat 83 kawasan banjir serius yang dikenal pasti daripada jumlah keseluruhan sebanyak 171 kawasan panas yang dilaporkan tahun lalu.

"Bagi tahun ini pula, terdapat 37 kawasan panas banjir serius daripada 40 kawasan yang dilaporkan berlaku sehingga kini.

"Melihat kepada situasi itu,

kerajaan negeri menyalurkan peruntukan sebanyak RM134 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor bagi menangani masalah banjir kilat," katanya.

Beliau berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak RM60 juta diperuntukkan bagi tujuan pembangunan tebatan banjir daripada peruntukan pembangunan JPS, manakala RM74 juta pula daripada peruntukan caruman parit bagi menaiktaraf sistem saliran dan kolam takungan.

Jelasnya, dengan peningkatan belanjawan pembangunan keseluruhan untuk JPS daripada RM47 juta tahun lalu kepada RM80 juta tahun ini iaitu peningkatan 70.21 peratus, ia jelas menunjukkan kerajaan negeri amat serius untuk menangani masalah banjir kilat



yang melanda negeri ini.

Zaidy berkata, antara langkah proaktif dilakukan kerajaan negeri adalah dengan melantik sebanyak 84 syarikat perunding dan juru ukur kejuruteraan yang sudah menerima watak lantikan bulan Mac lalu bagi Program Pembangunan Tebatan Banjir.

"Pelantikan itu bertujuan untuk penyediaan reka bentuk terperinci dan kerja ukur

**“Bagi tahun ini pula, terdapat 37 kawasan panas banjir serius daripada 40 kawasan yang dilaporkan berlaku sehingga kini. Melihat kepada situasi itu, kerajaan negeri menyalurkan peruntukan sebanyak RM134 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor bagi menangani masalah banjir kilat.” - Zaidy**

bagi keperluan 43 projek baharu tebatan banjir yang akan dilaksanakan seawal pertengahan tahun ini.

"Anggaran keseluruhan kos pelaksanaan projek tebatan banjir ialah RM399 juta yang merangkumi 43 projek baharu seluruh Selangor," katanya.

Menurutnya, terdapat 37 projek sambungan tebatan banjir sedang dilaksanakan dengan anggaran kos keseluruhan RM121 juta melibatkan 13

kawasan panas banjir serius.

Selain itu, antara langkah dijalankan kerajaan negeri bagi mengatasi masalah banjir kilat ialah menjalankan 16 operasi Ops Lumpur membabitkan 16 projek pembangunan yang dalam kerja tanah tahun lalu.

"Kerajaan negeri optimis menjalankan 58 Ops Lumpur bagi memastikan kepatuhan pemaju mengikut syarat pelan kerja tanah ditetapkan," katanya.